

**MGA Kata PKR Salah Dakwa Kerajaan Terlibat Dapatkan Sokongan Israel Jadi Presiden IGU
Bernama
31 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Isu yang ditimbulkan oleh Parti Keadilan Rakyat yang menunjukkan penglibatan kerajaan mendapatkan sokongan Israel di dalam usaha Persatuan Gas Malaysia (MGA) menjadi presiden Kesatuan Gas Antarabangsa sebagai salah, mengelirukan dan malah tidak betul.

Sejauh pengetahuan MGA, tiada calon dari Israel telah mendaftar bagi menghadiri Persidangan Gas Sedunia ke-25 yang dijadual diadakan selama lima hari bermula 4 Jun, 2012, kata persatuan itu dalam satu kenyataan hari ini.

MGA adalah anggota cartar IGU sejak 1986 dan telah memainkan peranan aktif di dalam kesatuan itu sejak itu.

Di dalam penjelasan mengenai satu surat dari MGA bertarikh 6 Sept, 2005 kepada Pengurus Besar Israel Institute of Petroleum & Energy (IIFE), MGA berkata, "ia adalah respons kepada pertanyaan IIFE sama ada delegasi dari Israel akan dibenarkan mengambil bahagian di dalam Persidangan Gas Sedunia jika Malaysia menang sebagai Presiden."

"Mereka juga membayangkan bahawa mereka akan menyokong pencalonan Malaysia bagi jawatan Presiden IGU."

IIFE adalah juga anggota cartar IGU.

"Oleh kerana IIFE menyatakan hasrat mereka untuk menyokong usaha MGA menjadi Presiden IGU, MGA telah mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana mengisytiharkan sokongan dan menjelaskan bahawa sejajar dengan Cartar Keanggotaan, IIFE perlu hadir pada Mesyuarat Majlis IGU bagi mendapatkan kelayakan untuk mengundi," katanya.

MGA berkata malah IIFE "tidak menghadiri Mesyuarat Majlis IGU pada Oktober di Tianjin, China" dan dengan itu "tidak boleh mengundi."

Menurut MGA, IGU memerlukan anggota cartar untuk hadir secara fizikal pada Mesyuarat Majlisnya bagi mendapatkan kelayakan untuk mengundi.

Katanya "pengundian proksi tidak dibenarkan."

Dalam satu bahagian surat itu, MGA berkata ia hanya menjelaskan pertanyaan IIFE mengenai potensi penyertaan mereka di dalam acara anjuran IGU di Malaysia jika Malaysia memenangi usaha itu.

MGA berkata ia telah cuba mendapatkan nasihat dari Kementerian Luar dan telah diberitahu bahawa Malaysia akan membenarkan delegasi dari Israel, seperti juga delegasi dari negara lain untuk datang ke Malaysia bagi mengambil bahagian di dalam persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh pertubuhan antarabangsa yang relevan.

Ditubuhkan pada Julai 1986 sebagai satu pertubuhan bukan mencari keuntungan di mana anggota pengasasnya ialah Petronas, Shell, BP, Caltex dan ESSO.

Kini, terdapat 142 anggota yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang mewakili industri minyak dan gas di Malaysia.

Aspirasinya ialah untuk mewujudkan sinergi di dalam menzahirkan dan mengembleng potensi industri gas dengan memacu peningkatan penggunaan gas melalui inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) sambil mempromosikan penggunaannya di dalam negara dan pada peringkat antarabangsa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656124>